

Penarafan dunia tidak j

BERITA MINGGUAN

9-12-2007 ms 14

Memantap struktur pentadbiran dengan memulih

Soal Jawab

Prof Datuk Dr Sharifah Hapsah Shahabudin

? Kajian Reputasi Akademik dan Hasil Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Awam (Ares) dan THES menunjukkan tiada universiti dalam negara mencapai tahap terbilang dan bertaraf dunia. Apa komen Datuk.

Apa yang saya boleh katakan sebab utama kejatuhan kebanyakan universiti pada 2007 boleh dikaitkan dengan perubahan metodologi ranking digunakan THES.

? Apakah kesan penarafan THES kepada kualiti dan reputasi IPTA negara.

Saya berpendapat ranking satu alat berguna untuk penambahbaikan sendiri dan bukan sebagai pengukur mutlak sesebuah institusi. Sebagai alat penambahbaikan kualiti, ranking tahun ini mengesahkan dalam beberapa pengukur kritikal seperti penerbitan dan petikan dalam jurnal berimpak tinggi, masih banyak penambahbaikan perlu dilakukan.

UKM juga mengakui setiap sistem penarafan dan ranking, yang mana penambahbaikan lebih besar dan pantas oleh institusi lain di dunia akan memberikan kesan terhadap IPTA Malaysia.

Keputusan THES 2007 menunjukkan betapa kritikalnya untuk IPT Malaysia mempercepat proses peningkatan dan penambahbaikan produktiviti dan kualiti mereka.

Bagi UKM, mengetahui secara terperinci setiap aspek utama akan membantu mempertingkatkan pencapaian institusi, merancang penanda aras, menentukan matlamat, melakukan perancangan strategik dan memilih rakan strategik. Umumnya, keputusan itu harus juga mendorong perdebatan sihat isu dan cabaran kritikal terhadap pengajian tinggi negara.

Dalam masa kita berasaskan wajar kerana mempunyai sistem penarafan sendiri, kita harus sentiasa mengikut perkembangan pada peringkat antarabangsa. Banyak negara mempunyai sistem penarafannya.

Kita sedang memberi penekanan terhadap instrumen tempatan, di mana mungkin perbandingan perlu dibuat dengan instrumen diguna pakai peringkat antarabangsa. Ia memberi petunjuk, di mana kedudukan kita

KEPUTUSAN penarafan Times Higher Education Supplement memberi satu lagi tamparan kepada institusi pengajian apabila tiada satu pun universiti tempatan tersenarai di gading terkemuka dunia. Malah, kedudukan IPT awam (IPTA) Malaysia (UM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Malaysia (UKM) yang pernah menyinar dalam penarafan Kali ini, UM hanya bertahan di tangga ke-246, USM (307) sebenarnya berlaku? Di sebalik kritikan, ada juga memal jika tersenarai dalam THES, ia bukan jaminan sesebuah universiti akan berjaya. Wartawan *Berita Minggu* Norakmah Mat Yusoff Aripin menemu bual Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Sharifah Hapsah Shahabudin dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Ager (MQA) (Jaminan Kualiti), Prof Madya Zita Mohd Fahmi un

dalam pendidikan tinggi dunia membolehkan kita menyesuaikan amalan terbaik untuk peningkatan diri.

Pengumuman terbuka keputusan itu adalah suatu perubahan dialu-alukan untuk merangsang budaya akauntabiliti, ketelusan, kualiti dan persaingan. Ia menunjukkan kesediaan IPT dalam aktiviti pemeringkatan dan penarafan. Kita harus menerima keputusan itu dan berusaha gigih melakukan lonjakan peningkatan.

Keputusan barangkali berbeza dari setahun ke setahun. Peningkatan yang membabitkan perubahan asas, mungkin mengambil masa untuk memunculkan kecemerlangan sesebuah institusi. Selain itu, metodologi pemeringkatan sendiri, termasuk instrumen antarabangsa masih lagi berada pada tahap permulaan dan terbuka kepada penambahbaikan dan pengembangan berterusan.

? UKM termasuk dalam senarai 200 yang terbaik tetapi tahun ini terus terkeluar. Bagaimana ini berlaku.

UKM berusaha ke arah mencapai objektif Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara serta Pelan Tindakan 2007 - 2010 yang dilancarkan pada Ogos 2007. Dengan adanya hala tuju yang jelas serta dana kewangan yang mencukupi, UKM mampu mengorak langkah menambah baik kualitinya pada kadar lebih pantas.

Sementara kita mengambil maklum penilaian luar terhadap kita, seperti THES Ranking dan sebagainya, UKM akan terus berusaha memantapkan budaya dalaman organisasi dalam kualiti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan perkhidmatan. Antara reformasi asas yang dilakukan di UKM adalah meningkatkan kualiti dan produktiviti ahli akademik, memastikan fokus dan integrasi dalam agenda penyelidikan, memastikan menambahbaikan da-

lam kualiti pengajaran dan pembelajaran serta memupuk sekitaran kualiti dan akauntabiliti.

Kami juga menekankan bahawa ranking IPT seperti Ares yang baru diumumkan serta penarafan kuantitatif SETARA dan Ranking THES sebahagian daripada kerangka jaminan kualiti lebih umum.

Ranking bertujuan mendorong dan membina budaya akauntabiliti, ketelusan, kualiti serta persaingan sihat - seperti mana dengan termaktub penyertaan secara sukarela institusi dalam kegiatan penarafan dan penyeteraan berkenaan.

Kami perlu mempelajari menggunakan penarafan dan penyeteraan secara berhemah dan dengan integriti dengan menanda aras pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa, menetapkan sasaran dan merancang secara strategik serta mengendalikan perbincangan secara sihat mengenai isu dan cabaran dalam pengajian tinggi.

Perbincangan ini harus merangkumi petunjuk kecemerlangan pengajian tinggi yang tentunya penting untuk negara membangun seperti Malaysia. Antara petunjuk ini ialah sumbangan pengajian tinggi kepada usaha pembangunan negara dari segi pembangunan modal insan dan penjana kekayaan melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta mobiliti sosial dan perpaduan kebangsaan.

UKM memberi perhatian serius mengenai kejatuhan dalam kedudukan ranking THES 2007. Namun demikian, kami percaya kejatuhan dalam ranking ini, seperti juga diakui QS-THES, tidaklah mencerminkan profil, pencapaian serta prestasi mahupun kualiti sebenar UKM. Kejatuhan dalam kedudukan dalam ranking THES juga tidak semestinya bermaksud pencapaian atau prestasi UKM jatuh.

? Ada antara ahli akademik dalam dan luar negeri memper-

Jejas prestasi IPTA

Aras tanda aras antarabangsa

ment (THES) tahun ini tinggi (IPT) Malaysia di kalangan 200 menara (IPTA) seperti Universiti Kebangsaan dan THES, turut merudum. (7) dan UKM (309). Apa ahami dan berpendapat universiti itu cemerlang iou dan Siti Nur Almizan r Sharifah Hapsah ensi Kelayakan Malaysia untuk mengupas isu ini.

soalkan ketepatan dan kesahihan kaedah penilaian THES yang menilai aspek kualitatif (reputasi dan kecemerlangan akademik) tetapi diterjemahkan secara kuantitatif (penarafan). Komen Datuk.

Kajian itu mengukur persepsi umum mengenai kualiti. Persepsi, terutama daripada rakan dan majikan atau bakal majikan adalah aspek yang penting dalam pengukuran kualiti. Bahkan ini merangkumi 50 peratus daripada metodologi pemeringkatan yang dilakukan THES. Unsur intuitif biasanya berdasarkan kepada pengalaman atau pengetahuan terhadap sesebuah institusi yang dinilai. Bagaimanapun, persepsi biasanya turut berasaskan kepada pengukuran kuantitatif.

Dalam kuantitatif, data sebenar diperolehi dan dianalisis menerusi enam aspek yang boleh dilaporkan secara berasingan. Skor satu hingga lima disediakan untuk setiap petunjuk diasaskan kepada piawai penanda aras yang ditentukan lebih dan boleh dilaporkan secara berasingan - reputasi akademik fakulti, pilihan universiti oleh pelajar, kualiti penyelidikan, kualiti program akademik, sumber dan pengurusan. Apabila diumumkan, dapatlah dipadankan antara persepsi dengan realiti.

Ini juga memungkinkan perbandingan dibuat antara prestasi IPT Malaysia dengan rakan yang dijadikan penanda aras (sebagai contoh pada 2005 data dibandingkan diperoleh daripada Universiti Nasional Singapura, University of Melbourne, Indian Institute of Technology, Mahidol University dan University of Technology, Sydney).

Dalam laporan Ares, agak mendukacitakan, hanya pemeringkatan keseluruhan diketengahkan. Maklumat itu tidak banyak membantu individu membuat pilihan institusi yang mempertingkatkan prestasinya.

Sistem penarafan yang baik, dapat menyediakan maklumat tepat dan telus, contohnya kepada pelajar yang ingin membuat pilihan universiti dan program berasaskan keutamaan.

? Bagaimana cara untuk memperbaiki kedudukan IPT tempatan supaya setaraf dengan IPT luar negara yang cemerlang.

Hakikatnya, sejak 2006, UKM sudah mengorak langkah dan memperbanyakkan inisiatif serta tindakan untuk menambah baik prestasi. Manfaat inisiatif dan tindakan ini yang antaranya reformasi asas dalam budaya akademik, memerlukan masa untuk menampakkan hasil yang signifikan.

Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah meningkatkan skim latihan PhD dan program pasca doktoral (sasaran 70 peratus kakitangan akademik mempunyai kelayakan PhD); mengambil tenaga akademik baru/muda terbaik berdasarkan merit (kelayakan minimum PhD) dan menawarkan gaji permulaan menarik.

Mengekalkan ahli akademik produktif yang sudah bersara dengan menawarkan kontrak berkhidmat menjangkai umur persaraan; menawarkan dan mempelawa pengamal berpengalaman daripada kerajaan, industri dan sektor swasta menyertai UKM sebagai felo dan professor adjunct. Menarik profesor ulung yang ternama ke UKM melalui skim kontrak perkhidmatan.

Memberi ganjaran kepada ahli akademik yang menerbitkan makalah dalam jurnal berimpak tinggi, memperoleh geran penyelidikan kompetitif antarabangsa atau menganggotai kumpulan penyelidikan antarabangsa, menghasilkan produk penyelidikan yang dipatenkan atau yang dikomersialkan, menerima undangan sebagai penguatkuasa atau keahlian kumpulan pakar serta kertas kerja mereka diterima dalam mesyuarat/forum Nusantara dan antarabangsa berimpak tinggi

Memperkenalkan bidaan kompetitif untuk geran dan dana penyelidikan dalaman. Memfokuskan agenda penyelidikan kepada lima hingga enam bidang tujahan utama dengan integrasi multidisiplin dengan tujuan memantapkan dan menghasilkan penyelidikan berimpak tinggi; mendokong dua jurnal utama UKM untuk mencapai tahap jurnal yang diindeks dalam pangkalan data jurnal indeks antarabangsa.

Menambah baik program akademik bagi memastikannya relevan serta hasil pembelajaran yang menyeluruh yang mempunyai komponen latihan industri, pemindahan kredit antarabangsa, penguasaan bahasa Inggeris atau bahasa kedua, kemahiran berkomunikasi dan



“ Pengumuman terbuka keputusan itu adalah suatu perubahan dialu-alukan untuk merangsang budaya akauntabiliti, ketelusan, kualiti dan persaingan. Kita harus menerima keputusan itu dan berusaha gigih melakukan lonjakan peningkatan”

antara budaya. Memantapkan struktur pentadbiran dan penggunaan ICT untuk menyokong pemantapan dan pemeliharaan berterusan kualiti termasuk melalui kegiatan tanda aras antarabangsa dalam pembangunan penyelidikan; inovasi dan kegiatan pengkomersialan; kurikulum dan perkhidmatan sokongan pelajar; pengurusan dan pembangunan sumber manusia; komunikasi korporat; pengantarabangsaan; rangkaian dan hubungan industri serta khidmat masyarakat.

Kami sedar bahawa keputusan ranking berubah dari setahun ke setahun kerana metodologi ranking itu sendiri, baik instrumen kebangsaan mahupun antarabangsa seperti THES, masih pada peringkat pembentukan dan perkembangan dan dalam proses penambahbaikan dan pembangunan. Tambahan lagi, penambahbaikan institusi yang antaranya memabitkan reformasi asas, akan mengambil sedikit masa untuk mencapai keputusan yang diharapkan.